



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 59  
No. 18

**31hb Ogos 2006**

*TAMBAHAN No. 4  
PERUNDANGAN*

---

**Tr. P.U. 4.**

ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002  
(Enakmen No. 12 Tahun 2002)

KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT  
HIBURAN 2003

---

## SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

---

### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.
2. Tafsiran.

### BAHAGIAN II

#### PELESENAN

3. Permohonan lesen.
4. Penolakan permohonan.

**Kaedah**

5. Hiburan yang disediakan di establisymen makanan yang dilesenkan.
6. Pemberian lesen.
7. Tempoh lesen.
8. Fi bagi lesen.
9. Pengecualian.
10. Pembatalan lesen.

**BAHAGIAN III**

**PENGAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN**

11. Harga tiket.
12. Tempat letak kereta.
13. Perlindungan insuran.
14. Kebersihan premis.
15. Kacau-ganggu yang disebabkan oleh bunyi.
16. Kemudahan tandas.
17. Kelengkapan pertolongan cemas.
18. Keselamatan orang awam.
19. Gantian-udara.
20. Pembinaan warung atau gerai.
21. Pelesenan tred, perniagaan *dsb.*

**BAHAGIAN IV**

**HAD-HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN**

22. Had Hiburan.
23. Bilangan mesin yang dibenarkan.

**Kaedah**

24. Bilangan orang yang dibenarkan.
25. Hiburan yang lucah dilarang.
26. Pakaian.
27. Orang yang mabuk dilarang.
28. Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan [*Akta 289, Ord 47/1953*].
29. Dilarang manipulasi
30. Masa pengendalian.
31. Tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Pegawai Pelesen boleh dihidang atau diminum.
32. Had umur pelanggan.
33. Kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun hendaklah disertai bersama dengan orang dewasa.

**BAHAGIAN V****PENALTI**

34. Penalti.

**BAHAGIAN VI****PEMBATALAN**

35. Pembatalan.

**JADUAL PERTAMA.****JADUAL KEDUA.****JADUAL KETIGA.****JADUAL KEEMPAT.**

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002**  
**(Enakmen No. 12 Tahun 2002)**

**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT  
HIBURAN 2003**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 35 Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 [*En. Tr. 12/2002*], Pihak Berkuasa Negeri membuat Kaedah-Kaedah yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2003** dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh kaedah-kaedah ini disiarkan dalam *Warta*.

**Tafsiran**

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2002 [*En. Tr. 12/2002*];

“hiburan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“Pegawai Pelesen” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“pemegang lesen” ertinya pemegang sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen 9(1) Enakmen;

“Pihak Berkuasa Tempatan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

“tempat hiburan” mempunyai erti yang sama dengan yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Enakmen;

**BAHAGIAN II**

**PELESENAN**

**Permohonan lesen**

3. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Pegawai Pelesen untuk mendapatkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan yang baru atau pembaharuanya di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan—

(a) skrip, jika ada, hiburan itu;

- (b) butir-butir mengenai orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan itu dan kepentingan yang diwakili oleh mereka;
- (c) butir-butir mengenai orang yang telah diundang atau telah bersetuju untuk mengambil bahagian atau pernah mengambil bahagian dalam hiburan itu, mengikut mana yang berkenaan, dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh mereka;
- (d) maksud yang kepadanya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak atau telah digunakan;
- (e) salinan lesen yang diperakui atau kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang membenarkan penggunaan tempat berkenaan sebagai tempat hiburan; dan
- (f) jika apa-apa struktur sementara dikehendaki bagi maksud hiburan itu, pelan bagi struktur itu dan kelulusan daripada pihak berkuasa relevan yang meluluskan pelan struktur itu termasuk perakuan daripada jurutera awam atau jurutera struktur yang berwibawa yang memperakui bahawa struktur itu akan berada dalam keadaan baik bagi tempoh selama hiburan itu diadakan.

(2) Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon mengemukakan kepadanya apa-apa maklumat-maklumat tambahan sebagaimana yang diperlukan.

(3) Pegawai Pelesen boleh, dalam menimbang permohonan di bawah subkaedah (1), memeriksa tempat hiburan di mana hiburan yang dicadang hendak diadakan bagi memastikan sama ada atau tidak tempat itu sesuai bagi tujuan yang dipohon.

(4) Walau apapun subkaedah (1), tiada lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan boleh dikeluarkan dalam tempoh yang dinyatakan di dalam Jadual Kedua Kaedah-Kaedah ini melainkan mendapat kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan.

(5) Satu surat yang ditandatangani oleh Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan bolehlah menjadi keterangan yang cukup bahawa kebenaran itu telah diberi.

### **Penolakan permohonan**

4. Pegawai Pelesen boleh, menurut budi bicaranya, menolak sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau pembaharuan mana-mana lesen itu atas apa-apa jua sebab tetapi khususnya jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa—

- (a) hiburan dan tempat hiburan itu mungkin membawa kepada pecah keamanan atau menyebabkan halangan, kegusaran, kacau-ganggu atau bencana kepada penduduk-penduduk kawasan tempat itu;

- (b) hiburan itu mungkin dari jenis berbahaya tidak sopan, lucah atau tidak wajar atau mungkin membahayakan nyawa manusia; atau
- (c) hiburan itu adalah atau mungkin dengan apa-apa cara jua memudaratkan kepentingan awam atau negara.

**Hiburan yang disediakan di establisemen makanan yang dilesenkan**

5. Mana-mana orang yang menyediakan hiburan di sesuatu tempat yang telah dilesenkan oleh sesuatu pihak berkuasa tempatan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisemen Makanan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan tidak perlu memohon lesen untuk membuka tempat hiburan tetapi dia adalah dikehendaki memohon kepada Pegawai Pelesen untuk mendapatkan lesen hiburan.

**Pemberian lesen**

6. Jika suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau pembaharuan apa-apa lesen diluluskan, maka suatu lesen dalam Borang B Jadual Pertama hendaklah dikeluarkan atas pembayaran—

- (a) fi bagi lesen itu; dan
- (b) sejumlah wang sebagaimana yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen sebagai jaminan untuk memastikan pematuhan syarat-syarat atau sekatan lesen atau peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau Kaedah-Kaedah yang dibuat di bawahnya.

**Tempoh lesen**

7. Lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi satu tahun.

**Fi bagi lesen**

8. (1) Fi yang kena dibayar bagi suatu lesen berkenaan dengan sesuatu hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi suatu lesen untuk membuka tempat hiburan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Keempat.

**Pengecualian**

9. Mana-mana orang boleh memohon kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pengecualian—

- (a) daripada pembayaran fi lesen berhubungan dengan suatu hiburan atau untuk membuka tempat hiburan;

- (b) daripada pembayaran jaminan berkenaan dengan lesen itu; atau
- (c) dari mana-mana peruntukan Enakmen ini atau Kaedah-Kaedah ini.

Dengan syarat bahawa hiburan atau kelas hiburan; atau tempat atau kelas hiburan berkenaan adalah bagi tujuan secara eksklusif untuk maksud keagamaan, pendidikan atau khairat.

### **Pembatalan lesen**

10. (1) Pegawai Pelesen boleh, pada bila-bila masa, melalui notis secara bertulis, membatalkan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen, atau berlakunya pelanggaran atau ketakpatuhan mana-mana peruntukan Enakmen atau Kaedah-Kaedah ini.

(2) Jika Pegawai Pelesen bercadang membatalkan sesuatu lesen di bawah subkaedah (1), Pegawai Pelesen hendaklah sebelum pembatalan itu, memberi pemegang lesen peluang untuk mengemukakan alasan-alasan (jika ada) kenapa lesennya tidak patut dibatalkan.

(3) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa, selepas memberi kepada pemegang lesen peluang yang disebut dalam subkaedah (2), membatalkan lesen dengan menyerahkan notis pembatalan lesen mengikut cara yang diperuntukkan di bawah Enakmen.

(4) Mana-mana pemegang lesen yang telah diserahkan notis pembatalan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan hendaklah, sebaik sahaja menerima notis itu, menutup tempat hiburan itu dan menghentikan hiburan yang disediakan di dalamnya.

## **BAHAGIAN III**

### **PENGAWALAN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN**

#### **Harga tiket**

11. Harga tiket masuk ke sesuatu tempat hiburan tidak boleh dimaklumkan kepada umum sehingga persetujuan daripada Pegawai Pelesen diperolehi.

#### **Tempat letak kereta**

12. Tanpa menjelaskan kuasa Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengenakan apa-apa syarat atau sekatan lain di bawah seksyen 11 Enakmen, Pegawai Pelesen boleh mengenakan syarat kepada pemegang lesen supaya mengadakan dan menguruskan suatu tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.

**Perlindungan insurans**

13. Pegawai Pelesen boleh jika difikirkannya perlu, menghendaki pemegang lesen tempat hiburan mengambil perlindungan insurans yang mencukupi bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan itu.

**Kebersihan premis**

14. Mana-mana pemegang lesen hendaklah, pada setiap masa, menjaga kebersihan tempat hiburannya sehingga memuaskan hati Pegawai Pelesen.

**Kacau-ganggu yang disebabkan oleh bunyi**

15. Mana-mana pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian tidak mewujudkan sesuatu kacau-ganggu.

**Kemudahan tandas**

16. (1) Mana-mana pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) terdapatnya di tempat hiburan itu kemudahan tandas yang berasingan bagi lelaki dan perempuan dan bahawa kemudahan tandas itu diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa;
- (b) tiap-tiap tandas itu dilengkapi dengan paip, baldi dan hos untuk memudahkan pembersihan;
- (c) tiap-tiap tandas itu hendaklah pada setiap masa, dilengkapi dengan kertas tandas, sabun atau bahan pencuci, tong sampah dan pengering elektrik, tuala bersih atau kertas tisu;
- (d) jika pencahayaan asli tidak mencukupi, maka pencahayaan buatan hendaklah disediakan di dalam tiap-tiap tandas pada setiap masa; dan
- (e) bekalan air yang mencukupi hendaklah ada pada setiap masa.

Dengan syarat bahawa jika sesuatu hiburan itu diadakan di luar bangunan, maka pemegang lesen hendaklah menyediakan kemudahan tandas sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen.

(2) Subkaedah (1) tidak terpakai bagi pemegang lesen yang tempat hiburannya terletak dalam bangunan di mana kemudahan tandas telah disediakan.

**Kelengkapan pertolongan cemas**

17. Mana-mana pemegang lesen hendaklah menyedia dan menyenggarakan dalam keadaan baik pada setiap masa di tempat hiburan itu suatu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat-alat pertolongan cemas yang dinyatakan di bawah ini—

- (a) enam pembalut yang disteril, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sentimeter x 7.6 sentimeter bagi luka dan luka terbakar;

- (b) satu gulung kapas yang disteril tidak kurang daripada 300 gram;
- (c) dua gulung kain pembalut, setiap satu berukuran tidak kurang daripada 7.6 sentimeter x 5.5 sentimeter;
- (d) tiga helai kain pembalut berbentuk segitiga;
- (e) satu gulung pengikat pembedahan berukuran 2.54 sentimeter x 2.74 sentimeter;
- (f) satu pasang gunting keluli tahan karat;
- (g) satu kotak pin keselamatan; dan
- (h) satu tiub krim antiseptik.

### **Keselamatan orang awam**

18. Mana-mana pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa—

- (a) pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan-keperluan pasukan bomba dan pemasangan pencahayaan, elektrik, gantian-udara dan mekanikal adalah mengikut undang-undang yang berhubungan dengannya;
- (b) semua alat pencegahan kebakaran diselenggara dengan wajar dan dalam keadaan boleh digunakan dengan baik; dan
- (c) semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak dikunci pada setiap masa pengendalian.

### **Gantian-udara**

19. Mana-mana pemegang lesen hendaklah mengambil segala langkah yang perlu dan sesuai untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian-udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik dan setiap masa.

### **Pembinaan warung atau gerai**

20. Tiada warung, gerai atau struktur lain boleh dibina di dalam tempat hiburan melainkan dibenarkan dan diluluskan oleh Pegawai Pelesen.

### **Pelesenan tred, perniagaan dsb.**

21. Tiada warung, gerai atau struktur yang terletak dalam sesuatu tempat hiburan boleh digunakan bagi apa-apa tred, perniagaan atau hiburan atau sebagai establismen makanan, tanpa sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang yang behubungan dengan tred, perniagaan, hiburan atau establismen makanan itu.

**BAHAGIAN IV****HAD-HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN****Had hiburan**

22. Tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan itu.

**Bilangan mesin yang dibenarkan**

23. Bilangan mesin bagi apa-apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan dalam lesen.

**Bilangan orang yang dibenarkan**

24. Mana-mana pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.

**Hiburan yang lucah dilarang**

25. Tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di dalam mana-mana tempat hiburan.

**Pakaian**

26. Mana-mana pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelakon-pelakon dalam sesuatu hiburan yang diadakan berpakaian sopan.

**Orang yang mabuk dilarang**

27. Tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana tempat hiburan.

**Tiada pertaruhan atau perjudian dibenarkan [Akta 289, Ord. 47/1953]**

28. Mana-mana pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 [Akta 289] atau Ordinan Pertaruhan 1953 [Ord. 47/1953] dijalankan dalam sesuatu tempat hiburan.

**Dilarang manipulasi**

29. Tiada radas yang berupaya membuat pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah peluang seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.

**Masa pengendalian**

30. Mana-mana pemegang lesen hendaklah hanya mengendalikan sesuatu tempat hiburan dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam lesen oleh Pegawai Pelesen.

**Tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Pegawai Pelesen boleh dihidang atau diminum**

31. Mana-mana pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Pegawai Pelesen dihidang atau diminum di tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras yang sah telah dikeluarkan kepadanya oleh Lembaga Pelesenan yang ditubuhkan di bawah Akta Eksais 1976 [Akta 176] atau kebenaran daripada Pegawai Pelesen, mengikut mana yang berkenaan.

**Had umur pelanggan**

32. (1) Pegawai Pelesen boleh mengikut budi bicaranya, menyatakan dalam lesen umur minimum orang yang boleh melanggani sesuatu tempat hiburan.

(2) Tiada mana-mana orang pun di bawah umur yang dinyatakan oleh Pegawai Pelesen boleh dibenarkan oleh pemegang lesen masuk atau berada di mana-mana tempat hiburan.

(3) Mana-mana pemegang lesen hendaklah mempamerkan di pintu masuk sesuatu tempat hiburan suatu notis yang mengandungi maklumat dan larangan yang dinyatakan dalam subkaedah (1) dan (2).

**Kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun hendaklah disertai bersama dengan orang dewasa**

33. Jika kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan, pemegang lesen itu hendaklah memastikan bahawa kanak-kanak itu disertai bersama ibu bapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa.

**BAHAGIAN V**

**PENALTI**

**Penalti**

34. Mana-mana orang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat atau sekatan lesen hiburan atau lesen untuk membuka tempat hiburan atau kedua-duanya atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

**BAHAGIAN VI**

**PEMBATALAN**

**Pembatalan**

35. Kaedah-Kaedah Panggung Wayang dan Tempat-Tempat Hiburan Awam 1987 adalah dibatalkan.

**JADUAL PERTAMA\***

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002**  
**(Enakmen No. 12 Tahun 2002)**

**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002**

Borang A  
(Kaedah 3)

*PERMOHONAN LESEN*

**BAHAGIAN I: BUTIR-BUTIR PEMOHON**

1. Nama Pemohon: .....
2. No. Kad Pengenalan: ..... Warna: .....
3. No. Pasport: .....
4. Warganegara: .....
5. Bangsa: .....
6. Alamat: .....  
.....
7. No. Telefon: .....
8. Jawatan dalam Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan: .....  
.....
9. Nama Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan: .....  
.....
10. Jumlah Modal (jika berkenaan): RM.....
11. Alamat Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan (jika berlainan daripada butiran 6):  
.....  
.....
12. No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan (jika berkenaan):  
.....

13. Lembaga Pengarah Syarikat:

No.	Nama	No. K/P	Alamat	Jawatan
(a)				
(b)				
(c)				
(d)				

14. Tarikh Pendaftaran Syarikat/Perniagaan/Pertubuhan:

.....

15. Tarikh Tamat Tempoh: .....

16. Pernah membuat permohonan sebelum ini?

Ya

Tidak

Jika ya, lampirkan keputusan dahulu atau lesen (jika ada).

## BAHAGIAN II: BUTIR-BUTIR PERMOHONAN

### A. PERMOHONAN LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN

1. Alamat Tempat Hiburan: .....

.....

2. Jenis Premis:

(i) Rumah Kedai  No. Tingkat.....

(ii) Kompleks Membeli Belah  No. Tingkat.....

(iii) Lain-lain (nyatakan): .....

3. Kedudukan Premis:

Tengah

Tepi

Berasingan

4. Luas Lantai: .....meter persegi

5. Pemunyaan:  Pemunya  Penyewa Kecil  
 Penyewa  Lain-lain

6. Jenis Hiburan: .....

7. Waktu Pengendalian: Dari ..... hingga.....

8. Tempoh Lesen: .....

9. Perkhidmatan Keselamatan Yang Disediakan:

(i) Nama Syarikat: .....

(ii) Alamat: .....

.....

10. Perlindungan insuran bagi premis (lampirkan salinan sah polisi insuran, jika ada):

(i) Jenis: .....

(ii) Jumlah: .....

11. Bilangan pekerja (lampirkan salinan kad pengenalan, 2 keping gambar berukuran pasport dan diperakui passport/visa/permit kerja, jika pekerja adalah orang asing):

(i) Lelaki: .....

(ii) Perempuan: .....

#### B. PERMOHONAN UNTUK LESEN HIBURAN

No.	Nama/Tempat Hiburan	Jenis Hiburan				
		Muzik	Nyanyian	Tarian	Pameran Filem Sinematograf	Lain-lain (nyatakan)

1. Adakah artis luar negara terlibat? Ya  Tidak

Jika ya, sertakan salinan visa/permit kerja berkenaan dengan setiap artis itu.

2. Bilangan bilik (jika ada): .....

Muatan tempat duduk: .....

3. Bilangan mesin karaoke/kiddy rides/mesin video: .....

4. Jenis mesin karaoke/kiddy rides/mesin video: .....

5. Tempoh Hiburan: Dari: ..... hingga.....

6. (i) Masa Hiburan: Dari: ..... hingga.....

Dari: ..... hingga.....

Dari: ..... hingga.....

- (ii) Bilangan hiburan sehari/semalam/sebulan:

.....

- (iii) Nyatakan bilangan tiket:

(a) Bagi jualan: .....

(b) Tiket hadiah: .....

7. Fi masuk: .....

8. Perlindungan insuran bagi premis (lampirkan salinan sah polisi insuran, jika ada):

(i) Jenis: .....

(ii) Jumlah: .....

9. Bilangan pekerja (lampirkan salinan kad pengenalan, 2 keping gambar berukuran pasport dan salinan diperakui pasport/visa/permit kerja, jika pekerja adalah orang asing):

(a) Lelaki: .....

(b) Perempuan: .....

10. Tujuan hiburan:

(i) Komersil Ya  Tidak

(ii) Bukan Komersil Ya  Tidak

Jika untuk tujuan bukan komersil, nyatakan nama dan alamat penuh penerima yang dicadangkan dan surat perakuan penerima yang dicadangkan:

Nama: .....

Alamat: .....

.....

## Bahagian III: Akuan

Saya/kami.....

No. Kad Pengenalan ..... dengan ini mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah betul dan benar.

.....  
*Tandatangan pemohon  
Meterai Perbadanan (jika sesuai)*

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002**  
(Enakmen No. 12 Tahun 2002)

**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003**

**Borang B**  
(Kaedah 6)

***LESEN HIBURAN/LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN***

1. Suatu lesen dikeluarkan kepada .....  
.....

membuka .....

\*untuk mengadakan atau membuka suatu tempat bagi tujuan mengadakan,  
menjalankan hiburan .....

.....  
(nyatakan jenis hiburan) .....

..... di .....

untuk ..... \* hari/tahun  
mulai daripada .....

2. Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

(i) bahawa tiada pertunjukan bermula sebelum .....

.....

(ii) bahawa tiada pertunjukan akan berterusan selepas .....

.....

(iii) bahawa tidak lebih daripada ..... orang  
dibenarkan pada bila-bila masa ke dalam tempat hiburan yang disebut  
di perenggan 1 di atas.

- (iv) bahawa ..... pintu masuk dan ..... pintu keluar disediakan pada setiap masa di tempat hiburan yang disebut dalam perenggan 1 di atas.
- (v) bahawa langkah-langkah keselamatan yang berikut dipatuhi pada setiap masa;
- (a) .....
- (b) .....
- (vi) Lain-lain .....
3. Fi bagi lesen \*hiburan/lesen untuk membuka tempat hiburan adalah RM.....
4. \*Deposit untuk lesen hiburan/lesen untuk membuka tempat hiburan adalah RM.....

.....  
 ( )

*Yang DiPertua  
 \*Majlis Perbandaran/Majlis Daerah*

Bertarikh pada ..... haribulan .....

\* potong yang berkenaan

## JADUAL KEDUA

ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002  
 (Enakmen No. 12 Tahun 2002)

KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003

(Subkaedah 3(4))

### *TEMPOH MASA HIBURAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN DARIPADA DULI YANG MAHA MULIA SULTAN*

- Malam Jumaat : Daripada pukul 6 petang hari Khamis hingga pukul 3 petang hari Jumaat.
- Hari Maulud Nabi : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 6 petang hari itu.
- Hari Mi'raj : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 6 pagi hari itu.

- Hari Nesfu Syaaban : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 6 pagi hari itu.
- Hari Pertama Raya Puasa (Aidilfitri) : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 2 petang hari itu.
- Hari Pertama Raya Puasa (Aidil Adha) : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 9.30 malam hari itu.
- Hari Dalam Bulan Ramadhan : Daripada pukul 6 petang hingga pukul 9.30 malam.
- Awal Muharam (Maal Hijrah) : Daripada pukul 6 petang hari sebelumnya hingga pukul 3 petang hari itu.

### JADUAL KETIGA

#### ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002 (Enakmen No. 12 Tahun 2002)

#### Kaedah-Kaedah Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 2003

(Subkaedah 8(1))

#### *FI LESEN HIBURAN*

Jenis Hiburan	Fi RM
(1) Biliard/Snooker atau seumpamanya:	
(a) Satu meja berukuran tidak lebih 1.52m x 3.05m	55.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) Satu meja berukuran lebih daripada 1.52m x 3.05m	88.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(2) Boling:	
(a) Dalam bangunan—satu lorong	33.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) “Green Bowl”—satu padang	55.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(3) Mesin Permainan Kanak-kanak (termasuk “kiddy rides”, “joyrides”, “moonwalk”, “spacewalk” dan sebagainya):	
Satu mesin	22.00 setahun atau sebahagian daripadanya

---

Jenis Hiburan	Fi RM
(4) Sinematograf/Video:	
(a) Satu Panggung Wayang/Sinema	330.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) Di Tempat Terbuka	55.00 setiap pertunjukan
(5) Sarkas	150.00 setiap sessi
(6) Pameran Binatang	25.00 setiap sessi
(7) Meja Pin Atau Permainan Video	50.00 sebulan atau sebahagian daripadanya
(8) Pertunjukan Bunga Api/Alatan Set, Perhiasan Peringatan Dan Rupaan Makhluk-Makhluk Benar Atau Khayalan	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
(9) Pameran Model, Bahan Bacaan, Gambar, Fotografi, Ukiran Atau Rupaan Patung Atau Rupaan-Rupaan Lain Berbentuk Manusia Atau Binatang	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
(10) Apa-Apa Jenis Pertandingan Sukan Antara Apa-Apa Bilangan Orang Atau Binatang	50.00 sehari atau sebahagian daripadanya
(11) Permainan-Permainan Komputer:	
Satu unit	10.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(12) Makam Malam	110.00 setiap sessi
(13) Tarian	50.00 setiap sessi
(14) Pertunjukan Fesyen/Pertandingan Kecantikan	110.00 setiap sessi
(15) Pesta Ria:	
Satu warung/gerai/khemah/kepunguan	55.00 sehari
(16) Luncur ais/Roda:	
Satu arena	22.00 setiap sesi
(17) Mesin Hiburan/“Juke Box”:	
Satu mesin	100.00 sebulan atau sebahagian daripadanya

Jenis Hiburan	Fi RM
(18) Muzik/Nyanyian dan Tarian:  (Dalam “Pub”, “Coffee House”, Disko, Dewan Tarian, Auditorium, “Lounge” atau Kelab Malam)	
(a) Muzik dan Nyanyian	220.00 setahun atau sebahagian daripadanya
(b) Muzik/“Live Band”	110.00 sehari
(c) Tarian (Satu Dewan)	220.00 setahun
(19) Pertunjukan pentas:	
(a) Pertunjukan Kebudayaan (Drama, Opera, Boria, Mak Yong, Menora, Wayang Kulit Show, Rodat, Hadrah dll).	55.00 setiap pertunjukan
(b) Konsert	220.00 setiap pertunjukan
(20) Hiburan Lain Yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri	200.00 setahun atau sebahagian daripadanya

**JADUAL KEEMPAT**

**ENAKMEN HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2002**  
(Enakmen No. 12 Tahun 2002)

**KAEDAH-KAEDAH HIBURAN DAN TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 2003**

(Subkaedah 8(2))

***FI BAGI LESEN UNTUK MEMBUKA TEMPAT HIBURAN***

Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
(1) Auditorium/Dewan:			
(i) Tidak melebihi 200 tempat duduk	400.00	—	—
(ii) Melebihi 200 tempat duduk tetapi tidak melebihi 400 tempat duduk	800.00	—	—
(iii) Melebihi 400 tempat duduk tetapi tidak melebihi 600 tempat duduk	1,000.00	—	—

Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
(iv) Melebihi 600 tempat duduk tetapi tidak melebihi 800 tempat duduk	1,400.00	—	—
(v) Melebihi 800 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,000 tempat duduk	1,600.00	—	—
(vi) Melebihi 1,000 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,200 tempat duduk	1,800.00	—	—
(vii) Melebihi 1,201 tempat duduk	2,000.00	—	—
(viii) Lesen sementara	—	—	50.00
<b>(2) Sinema/Panggung:</b>			
(i) Tidak melebihi 200 tempat duduk	400.00	—	—
(ii) Melebihi 200 tempat duduk tetapi tidak melebihi 400 tempat duduk	900.00	—	—
(iii) Melebihi 400 tempat duduk tetapi tidak melebihi 600 tempat duduk	1,100.00	—	—
(iv) Melebihi 600 tempat duduk tetapi tidak melebihi 800 tempat duduk	1,550.00	—	—
(v) Melebihi 800 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,000 tempat duduk	1,800.00	—	—
(vi) Melebihi 1,000 tempat duduk tetapi tidak melebihi 1,200 tempat duduk	2,000.00	—	—
(vii) Melebihi 1,201 tempat duduk	2,200.00	—	—
(viii) Lesen sementara	—	—	50.00
<b>(3) Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Dalam Bangunan)</b>			
(i) Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	300.00	—	—
(ii) Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	500.00	—	—

	Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
(iii)	Luas lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	800.00	—	—
(iv)	Luas lantai melebihi 90 meter persegi	1,100.00	—	—
(4)	Pusat Hiburan/Taman Hiburan (Luar Bangunan)			
(i)	Keluasan tidak melebihi 30 meter persegi	150.00	—	—
(ii)	Keluasan melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	250.00	—	—
(iii)	Keluasan melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	400.00	—	—
(iv)	Luas lantai melebihi 90 meter persegi	550.00	—	—
(5)	Pesta Ria	—	—	500.00
(6)	Gelanggang Boling	1,100.00	—	—
(7)	Green Bowl	550.00	—	—
(8)	Gelanggang Luncur	1,000.00	—	—
(9)	Mesin Hiburan (“Kiddy Rides”)/ “Juke Boxes”/Karaoke Atau Mesin atau peranti yang, ketika dimanipulasi, memberikan peluang untuk mendapat hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang) di tempat-tempat selain daripada di Pusat Hiburan atau Tempat Hiburan:			
	Satu mesin	20.00	—	—
(10)	Dewan Tarian/Disko/Kabaret/ Kelab Malam (Dalam Bangunan)			
(i)	Luas lantai tidak melebihi 30 meter persegi	400.00	—	—
(ii)	Luas lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	600.00	—	—

	Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
(iii)	Luas lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	900.00	—	—
(iv)	Luas lantai melebihi 90 meter persegi	1,200.00	—	—
(v)	Kabaret melebihi 90 meter persegi	2,200.00	—	—
(11)	Tempat Tarian/Disko/Kabaret/ Kelab Malam (Luar Bangunan)			
(i)	Keluasan lantai tidak melebihi 30 meter persegi	200.00	—	—
(ii)	Keluasan lantai melebihi 30 meter persegi tetapi tidak melebihi 60 meter persegi	300.00	—	—
(iii)	Keluasan lantai melebihi 60 meter persegi tetapi tidak melebihi 90 meter persegi	450.00	—	—
(iv)	Keluasan lantai melebihi 90 meter persegi	600.00	—	—
(v)	Kabaret melebihi 90 meter persegi	1,100.00	—	—
(vi)	Lesen sementara	—	—	100.00
(12)	Snooker/Billiard atau Seumpamanya:			
(i)	Tidak melebihi 5 meja	500.00	—	—
(ii)	Melebihi 5 meja tetapi tidak melebihi 10 meja	1,000.00	—	—
(iii)	Melebihi 10 meja tetapi tidak melebihi 20 meja	1,500.00	—	—
(iv)	Melebihi 20 meja tetapi tidak melebihi 30 meja	2,000.00	—	—
(v)	Melebihi 30 meja tetapi tidak melebihi 40 meja	2,500.00	—	—
(vi)	Melebihi 40 meja tetapi tidak melebihi 50 meja	3,000.00	—	—
(vii)	Melebihi 50 meja	50.00 bagi setiap meja tambahan	—	—

Tempat Hiburan	Setahun RM	Sebulan RM	Sehari RM
(13) Stadium:			
(i) Tidak melebihi 1,000 tempat duduk	400.00	—	—
(ii) Melebihi 1,000 tempat duduk	800.00	—	—
(iii) Lesen Sementara	—	—	100.00
(14) Ruang Legar/Dewan/Kawasan Terbuka Yang Digunakan Untuk Pameran Atau Pertandingan:			
(i) Luas lantai tidak melebihi 100 meter persegi	100.00	—	—
(ii) Luas lantai melebihi 100 meter persegi tetapi tidak melebihi 150 meter persegi	200.00	—	—
(iii) Luas lantai melebihi 150 meter persegi tetapi tidak melebihi 200 meter persegi	300.00	—	—
(iv) Luas lantai melebihi 200 meter persegi	500.00	—	—
(v) Lesen sementara	—	—	100.00
(15) Sarkas	—	—	200.00
(16) Lain-lain Hiburan			
Permainan Tradisional dan lain-lain hiburan	—	—	50.00 sehari

Bertarikh 19 Mei 2004  
 [SUK. Tr. 1200/381 Bhg. 2;  
 PUN. Tr. 15/108 (7)]

HAJI AZMI BIN MOKHTAR,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Negeri*  
*Terengganu*

**ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT  
ENACTMENT 2002  
(Enactment No. 12 Of 2002)**

**ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT  
RULES 2003**

---

**ARRANGEMENT OF RULES**

---

**PART I**

**PRELIMINARY**

**Rule**

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.

**PART II**

**LICENSING**

3. Application for licences.
4. Refusal of application.
5. Entertainment provided in licensed food establishment.
6. Grant of licence.
7. Duration of licence.
8. Fee for licence.
9. Exemption.
10. Revocation of licence.

**PART III**

**CONTROLLING OF ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT**

11. Price of tickets.
12. Parking places.
13. Insurance coverage.
14. Cleanliness of premises.
15. Nuisance caused by sound.
16. Toilet facilities.
17. First aid equipment.

**Rule**

18. Safety of public.
19. Ventilation.
20. Erection of booth or stall.
21. Licensing of other trade, business, *etc.*

**PART IV**

**LIMITATION OF LICENCE FOR ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT**

22. Limitation of entertainment.
23. Number of machines permitted.
24. Number of persons permitted.
25. Obscene entertainment prohibited.
26. Dressing.
27. Intoxicated persons prohibited [*Act 289, Ord 47/1953*].
28. No betting or gambling allowed.
29. Manipulation prohibited
30. Operating times.
31. No beer or intoxicated drink or any drink prohibited by the Licensing Officer to be served or consumed.
32. Age limit of patrons.
33. Children under twelve to be accompanied by adult.

**PART V**

**PENALTY**

34. Penalty.

**PART VI**

**REVOCATION**

35. Revocation.

**FIRST SCHEDULE.**

**SECOND SCHEDULE.**

